

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 9 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan persediaan yang dibuat untuk menangani masalah bekalan air terutama disebabkan El Nino dengan jumlah hujan purata rendah sehingga Oktober 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara, sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dijangka akan mengadakan mesyuarat pertama pada pertengahan bulan Jun 2014.
2. Beberapa langkah persediaan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terjejas teruk akibat cuaca panas dan kering pada awal tahun ini. Antaranya ialah operasi pembenihan awan, mengepam air sungai ke kolam atau tasik sebagai simpanan untuk kegunaan musim panas, meneroka penggunaan air bawah tanah, pemasangan paip bagi penyaluran air mentah dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ke Sungai Langat dan lain-lain lagi.

3. Walau bagaimanapun, penyelesaian sebenar terhadap masalah ini ialah dengan meningkatkan rizab margin bekalan air dan mempelbagaikan sumber air mentah agar tidak terlalu bergantung kepada satu punca sahaja. Atas dasar inilah Kerajaan Persekutuan telah membuat perancangan jangka panjang untuk melaksanakan Skim Bekalan Air dari Pahang ke Selangor yang akan dapat menyalurkan 1,890 juta liter sehari (JLH) air mentah ke Selangor untuk dirawat dan dibekalkan kepada pengguna bagi menjamin bekalan air yang mencukupi dan berterusan.

4. Selain tindakan dari pihak Kerajaan, kerjasama semua pihak juga amat penting untuk menghadapi musim panas yang akan datang. Saya menyeru para pengguna untuk sentiasa menjimatkan air. Amalan penggunaan air secara berhemat perlu dibudayakan. Pengguna industri pula disarankan untuk mengambil langkah-langkah alternatif yang boleh mengurangkan impak krisis air seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air dan meningkatkan kapasiti tangki simpanan air masing-masing.
